

Nama Suratkhobar : Berita Harian (Segmen Rencana)

Tarikh : 4 Mac 2015 (Rabu)

Mukasurat : 29

BH 4 MAC 2015 © RABU

Gagal Bahasa Melayu SPM petanda buruk

Beri kesan negatif pendidikan, penilaian jati diri kebangsaan

*Bvt (R-1)
4/3/15 2:29
- Beranda -*

Sudah untuk sekian lama secara purata sekitar 35,000 pelajar gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setiap tahun. Dengan ini, pelajar ini tidak berjaya memperoleh sijil penuh. Ini bermakna mereka gagal dalam SPM.

Dari satu segi, hal ini tidak perlu dirisaukan sangat kerana mata pelajaran lain juga memperlihatkan kadar kegagalan seperti ini, yakni dalam puluhan ribu. Ini menunjukkan ada sebilangan pelajar yang tidak mempunyai kecerdasan dalam bidang akademik.

Untuk mata pelajaran Bahasa Melayu, ada beberapa sebab pelajar ini gagal memperoleh tahap lulus paling rendah, iaitu gred lapan. Antara kelemahan utama pelajar Melayu yang menyebabkan kegagalan ialah ketidakcekapan menggunakan bahasa tulisan.

Mereka didapati mengarang dan menulis jawapan dengan menggunakan bahasa lisan, kadangkala dalam bentuk basahan lagi, iaitu bahasa percakapan seharian. Dalam hal ini, bahasa lisan adalah bahasa tersendiri dari segi tatabahasa, kosa kata dan wacana yang digunakan.

Dalam konteks perbandingan dengan bahasa tulisan, bahasa lisan boleh dikatakan sistem yang berlainan dan digunakan untuk tujuan berbeza. Ia bukan sistem yang lebih rendah daripada bahasa tulisan. Sehubungan ini, ia adalah sistem lain sahaja yang sesuai digunakan dalam beberapa konteks tertentu. Antaranya bersua muka yang memperlihatkan penggunaan ayat dan kosa kata yang mudah.

Tuntut perencanaan rapi

Ini berbeza sekali dengan bahasa tulisan yang menuntut perencanaan rapi yang tercermin dalam penggunaan ayat lebih kompleks dan pemilihan kosa kata daripada julat yang lebih besar. Ini kerana ia tidak wujud secara spontan, melainkan melalui proses pemikiran yang dibenarkan waktu yang ada melalui usaha penyuntingan.

Natijahnya penggunaan bahasa lisan yang rata-ratanya dianggap sebagai bahasa tidak formal, yakni yang kurang berperaturan mengikut tatabahasa baku yang penting untuk penggunaan formal, adalah bahasa yang tidak sepatutnya digunakan dalam sebarang penilaian mata pelajaran bahasa.

Untuk pelajar bukan Melayu, antara kelemahan utama ialah kegagalan menguasai bahasa Melayu pada tahap yang sepatutnya. Ini dapat dilihat juga

pada karangan yang ditulis dan jawapan yang disediakan. Bukan sahaja tatabahasa dan kosa kata yang digunakan itu memperlihatkan tahap kecekapan yang amat rendah, wacana jika berjaya disusun jelas mempamerkan proses pemikiran yang berlaku dalam bahasa lain, selalunya bahasa ibunda.

Bahasa Melayu terjemahan

Dengan ini, bahasa Melayu yang digunakan itu sarat dengan pelbagai kesalahan dan percubaan penterjemahan gagasan yang terbentuk dalam bahasa lain itu ke dalam bahasa Melayu. Sudah tentu bahasa Melayu begini bukan sahaja tidak baik, ia juga didapati amat sukar difahami.

Dari segi lain pula, angka kegagalan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ini sangat mengkhawatirkan. Ia yang menjadi bahasa negara ini semacam tidak berjaya dikuasai oleh sebilangan belia kita, bagi membolehkan mereka memperoleh sejumlah markah yang tidak banyak pun untuk lulus pada tahap terendah.

Dengan persekitaran bahasa Melayu yang memang agam di negara ini, pengetahuan mengenainya secara sederhana sepatutnya tidak menjadi masalah.

Ia boleh dipelajari dengan mudah secara tidak formal, untuk membolehkan mereka ini memperoleh secukupnya markah bagi bahagian penggunaan bahasa untuk mata pelajaran Bahasa Melayu.

Selain faktor kecerdasan, kegagalan ini boleh juga dikaitkan dengan penggunaan dialek Melayu setempat dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berleluasa di sesetengah negeri. Ini dapat dilihat dengan jelas pada sejumlah skrip jawapan yang mengandungi penggunaan dialek Melayu tertentu yang meluas sekali dalam kalangan calon dari negeri berkenaan.

Selain faktor dialek Melayu ini, penggunaan bahasa pasar juga dapat kesan pada banyak skrip jawapan. Ia wujud dalam bentuk percubaan penggunaan kosa kata bahasa Melayu dalam acuan tatabahasa asing, misalnya bahasa Mandarin.

Sebenarnya belia kita tidak boleh sama sekali gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kerana implikasinya bukan setakat dalam bidang pendidikan, ia ikut mempunyai kesan negatif kepada jati diri kebangsaan kita. Ia boleh membayangkan kita tidak bersatu terdapatnya yang diwakili bahasa negara.

TEO KOK SEONG

Penulis
ialah penggiat linguistik nasionalis